

## **Ekspedisi Saintifik Taman Bukit Tawau**

*14 Mac 2007, New Sabah Times, ms.8*

*Oleh Jakaria Dasan*

“Ekspedisi ini diadakan atas kesedaran yang tinggi bahawa Universiti bukan sekadar berperanan untuk menghasilkan graduan berilmu malah ianya juga komited dalam memberi kerjasama yang padu kepada mana-mana Jabatan atau Agensi Kerajaan yang memberi peluang kepada UMS untuk bekerjasama dalam aliran atau bidang yang ada persamaannya. Sumber kajian dari sebuah universiti asing yang tersohor seperti University of Alaska, umpamanya, merupakan satu fakta dari pihak luar yang neutral yang amat membanggakan, dimana hasil kajian mereka, mendakwa bahawa sebuah pokok kayu dengan nama saintifiknya, “Seraya Kuning Siput” dengan ketinggian 88.32 meter, telah ditemui di Taman Bukit Tawau ini dan didapati sebagai pokok yang paling tinggi di dunia bagi kategori hutan tropika....Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin”

Mungkin selama ini masyarakat lebih mengenali Air Terjun Table dari Taman Bukit Tawau secara keseluruhannya, satu-satunya taman teresterial yang terdapat di Pantai Timur Sabah, sebagai alternatif kepada salah sebuah pusat riadah yang menarik untuk dikunjungi. Ini adalah kerana kawasan ini terletak dalam kawasan yang masih terpelihara kehijauan hutannya dan menyediakan punca tadahan air ke sungai-sungai utama di daerah Tawau. Habitat hutan yang sekian lama menghuni hutan ini juga masih terus kekal terpelihara yang menjadi sumber perhiasan asli flora dan fauna yang mungkin tidak akan ditemui di mana-mana hutan di dunia.

Dengan keluasan 279.72 km persegi, Taman Bukit Tawau merupakan hutan

hutan tropika dari jenis hutan Dipterokarpa Tanah Pamah dan hutan Dipterokarpa Bukit yang mana 2/3 daripada kawasan ini adalah merupakan hutan primer. Asalnya merupakan Hutan Simpan Bukit Tawau bersempadan dengan Hutan Simpan Ulu Kalumpang di sebelah utara yang menghubungkan kawasan hutan yang lebih luas iaitu Hutan Simpan Ulu Segama dan Hutan Simpan Kalabakan. Keadaan mukabumi di kawasan Taman adalah berbukit bukau dengan ketinggian sekitar 30 m hingga 1,312 m daripada paras laut. Gunung Magdalena (1,312 m), yang merupakan kemuncak tertinggi, Gunung Lucia (1,202 m) dan Gunung Maria (1,083 m). Keadaan ini mewujudkan sebuah pemandangan koridor hutan yang mungkin tidak dipenuhi dengan kecanggihan teknologi akan tetapi masih tetap diselubungi dengan pelbagai bunyian makhluk hutan yang saling berhubung antara satu sama lain menggunakan deria yang lebih efektif yang tidak dapat diikuti oleh teknologi moden. Kelebihan deria makhluk hutan seperti haiwan ini adalah sepertimana yang dikhabarkan berlaku pada tragedi tsunami, dimana sebelum kejadian itu dapat dikesan oleh sistem radar, keadaan haiwan seperti ikan di laut dan gajah di hutan berada dalam keadaan yang tidak menentu, seolah-olah mencari tempat lebih selamat berlindung dari bencana yang telah diketahui lebih awal oleh mereka.

Para staf dan kakitangan Taman-Taman Sabah di bawah pentadbiran Pengarahnya, YBhg Datuk (Dr.) Lamri Ali, telah berjaya mengurus sebuah Taman yang amat kaya dengan khazanah semulajadinya ini. Sehubungan dengan kecemerlangan memulihara taman yang asalnya sebuah kawasan hutan simpan ini oleh Taman-Taman Sabah, maka rombongan 43 orang penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah yang diketuai

oleh Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Ahmad telah melakukan satu ekspedisi saintifik bersama dengan 37 staf penyelidik Taman-Taman Sabah yang diketuai oleh Dr. Jamili Nais. Ekspedisi ini telah berjalan selama 10 hari bermula pada 14 Februari hingga 23 Februari, dimana para peserta telah berkhemah dan bermalam pada setiap hentian yang dilalui itu. Hasil daripada penerokaan hutan di Taman Bukit Tawau ini telah berjaya mendapatkan beberapa sampel penemuan baru dalam empat bidang penyelidikan yang dikaji iaitu, tumbuhan peringkat rendah, tumbuhan peringkat tinggi, vertebrata dan invertebrata.

Kekayaan flora di Taman Bukit Tawau ditunjukkan dengan kewujudan pelbagai spesies pokok-pokok komersial yang merangkumi sekurang-kurangnya 24 spesies Dipterokarpa seperti seraya kuning, keruing, selangan batu dan sebagainya. Selain itu terdapat 31 spesies pokok komersial bukan dipterokarpa seperti belian (*Eusideroxylon zwaggen*), kayu malam (*Diospyros* sp.) dan nyatoh (*Palaquium gutta*). Untuk tumbuhan berbunga, terdapat lebih daripada 169 spesies dalam 112 genus dan 52 famili telah direkodkan pada lewat 80an. Rubiaceae, Euphorbiaceae, Melastomataceae dan Annonaceae adalah famili yang dominan manakala genus *Aglaia*, *Litsea* dan *Polyathia* adalah dominan dari segi spesies. Kajian susulan yang dibuat pada 1996, mendapati sejumlah 285 spesies dalam 52 famili pokok-pokok berkayu di sekitar stesen taman.

Bagi tumbuhan herba terdapat 36 spesies dalam 14 genera halia liar. Orkid liar yang telah ditemui di dalam taman ini meliputi 118 spesies dalam 42 genera. Orkid yang paling menarik ialah Orkid telinga gajah (*Palaneopsis gigantea*) yang telah diancam kepupusan pada tahun 80an tetapi kemudiannya ditemui semula

pada akhir tahun 80an itu di Taman Bukit Tawau. Kepelbagaian paku-pakis meliputi 83 spesies dalam 55 genera dan 24 famili. Ini termasuklah paku pohon (*Cyathea contaminans*), paku tanduk rusa (*Platyserium wallichii*) dan pokok semun (*Asplenium nidus*).

Kepelbagaian faunanya ini turut menggamit kehadiran pelbagai spesies haiwan. Sejumlah 69 spesies haiwan mamalia (daripada 194 spesies di Sabah) telah direkodkan, termasuklah, 9 spesies monyet seperti orang utan, wak-wak, monyet merah dan monyet bangkatan (*Nasalis larvatus*). Pada masa hadapan usaha menyelidik kewujudan atau kehadiran 'monyet putih' akan dilakukan. Monyet ini boleh ditemui dalam kelompok monyet merah (*Presbytis rubicunda*) dan monyet kikok (*Presbytis hosei*). Pada masa ini status monyet ini adalah sebagai kejadian albino. Walaubagaimana pun dengan bantuan pakar dalam dan luar negeri melalui analisis DNA, memungkinkan pengesahan status sebenar monyet ini.

Terdapat juga haiwan mamalia seperti, gajah, harimau kumbang, tembadau, beruang, rusa dan kijang. Haiwan mamalia kecil seperti, 'mongoose' (*Herpestes brachyura*), tenggiling (*Manis javanica*), otter berkuku kecil (*Aonyx cinerea*), tupai besar (*Ratufa affinis*), tupai prevosti (*Callosciurus prevostii*), tupai (*Tupaia tana*), tupai tanah yang besar (*Rheithrosciurus macrotis*) juga telah direkodkan di sini. Selain itu turut direkodkan sebanyak 240 spesies burung, 54 spesies Reptilia, dan serangga serta kupu-kupu sebanyak 108 spesies.

Pendek kata, antara lain ekspedisi ini diadakan dengan tujuan untuk memperkukuhkan kegiatan penyelidikan terutamanya dalam bidang-bidang berkaitan dengan penyelidikan di kawasan taman-Taman Sabah dan selaku

IPTA di Sabah yang mempunyai pengkhususan kajian pemuliharaan hutan tropika maka UMS terpanggil untuk melaksanakan obligasi ini. Ekspedisi ini akan menjadi batu loncatan untuk memperkukuhkan lagi jalinan hubungan yang sentiasa akrab dan rapat di antara Taman-Taman Sabah dan UMS. Susulan dari penemuan-penemuan yang diperolehi, maka usaha mendokumentasi penemuan ekspedisi tersebut akan segera dilakukan.

Sehari selepas semua peserta ekspedisi sampai semula ke Hostel Taman-Taman Sabah, iaitu pada 24 Febuari 2007, satu sesi perbincangan bersama melibatkan pengurusan utama Taman-Taman Sabah yang dihadiri sendiri oleh YBhg Datuk (Dr.) Lamri Ali dan pengurusan utama Universiti Malaysia Sabah yang diketuai oleh Naib Canselornya, YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin telah diadakan di Bilik Mesyuarat Taman Bukit Tawau. Dalam ucapannya, Datuk Dr. Lamri menyatakan rasa terima kasihnya atas kesungguhan UMS bekerjasama dalam kepakaran penyelidikan dengan Taman-Taman Sabah. Beliau percaya bahawa melalui pengkajian yang melibatkan saluran Universiti, usaha mempromosi kekayaan khazanah warisan alam negeri Sabah ini akan dapat ditonjolkan di peringkat dunia.

Dalam ucapan balasnya, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, melahirkan keyakinannya bahawa usaha bersama yang dilakukan dengan Taman-Taman Sabah ini merupakan satu manifestasi luhur ke arah memperkukuhkan usaha memelihara dan memulihara sumber dan khazanah hutan untuk warisan generasi dekad akan datang. Beliau disertai sama oleh Prof Dr. Sanuddin Tahir (Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa), En. Hela Ladin Mohd Dahalan (Pendaftar), Prof. Datin Dr. Maryati Mohamed (Pengarah Institut

Biologi dan Pemuliharaan Tropika, UMS) selaku perancang utama ekspedisi ini, Prof. Dato' Dr. Nuramly Muslim (Penasihat Ekspedisi), dan hampir kesemua Dekan dan Pengarah Institut di UMS. Beliau menambah bahawa hampir keseluruhan pengurusan utama UMS telah turut sama dengan beliau pada perbincangan dua hala dengan pengurusan utama Taman-Taman Sabah tersebut, adalah atas kesedaran yang tinggi bahawa universiti bukan hanya berperanan untuk menghasilkan graduan berilmu malah ianya juga komited dalam memberi kerjasama yang padu kepada mana-mana Jabatan atau Agensi Kerajaan yang memberi peluang kepada UMS untuk bekerjasama dalam aliran atau bidang yang ada persamaannya.

Sebelum itu, YBhg Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin dan semua ahli rombongan UMS telah membuat pendakian sejauh 3 kilometer mengikut trail penyelidikan yang dilalui oleh ahli-ahli ekspedisi. Benarlah banyak rahsia dari segi hidupan dan tumbuhan yang masih kekal tersimpan dan menghuni kawasan taman ini. Dalam ahli rombongan sibuk merintis laluan pendakian, sang pacat dengan nakal mendaki betis kaki yang masih segar bau darahnya itu. Mujurlah taklimat lengkap telah diberikan oleh petugas Taman dan persediaan kasut dan sarung kaki telah dibuat sebelum itu. Dalam perjalanan itu, rombongan ini telah berpeluang melawat sebatang pokok yang dikenali dengan nama saintifiknya "Seraya Kuning Siput" (*Shorea fagueteria Heim*) dimana menurut pengkaji dari University of Alaska yang telah melakukan kajian di kawasan Taman Bukit Tawau sebelum ini, mereka mendakwa bahawa pokok tersebut adalah yang paling tinggi di dunia bagi kategori hutan tropika.

Di sebelah malamnya majlis barbeque telah diadakan bersempena dengan

berakhirnya Eskpedisi Saintifik Taman Bukit Tawau. Esok kesemua 43 orang penyelidik UMS akan berangkat pulang. Setelah 10 hari berada dalam hutan, pelbagai pengalaman penyelidikan telah dilalui dengan memori dan kenangan yang pasti tidak akan dapat dilupakan. Dalam setiap benak fikiran mereka itu ada tugas akhir yang perlu dilaksanakan, membukukan hasil penyelidikan yang akan merintis usaha mempopularkan Taman Bukit Tawau sebagai taman ekopelancongan dan pusat penyelidikan yang tersohor.

“Di sini ada tersimpan misteri hidupan. Di sini ada terpendam tumbuhan hutan. Dan di sinilah! Di Taman Bukit Tawau inilah! Tempat generasi akan datang kembali menikmati warisan silam, menghargai ciptaan Tuhan yang membekalkan sumber kehidupan. Dan semoga ianya, terus kekal terpelihara dari rakus tangan-tangan segelintir manusia yang tamak dan kejam.”